

11/02/1997

TMT 97 sukar gamit pelancong

FIND Yourself in Terengganu. Begitulah perkataan yang terpampang di Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang menggamit penumpang sebaik saja turun dari perut pesawat Penerbangan Malaysia (MAS).

Kata-kata aluan yang tampak mesra itu seolah-olah tidak memberi makna kerana yang turun dari pesawat, kebanyakannya mereka yang berkulit sawo matang, rata-rata menggunakan loghat Terengganu. Seseekali nampak pelancong asing menyertai kelompok rakyat tempatan yang ramai turun dari pesawat.

Harapan (jika ada) tetamu asing untuk disambut senyuman manis gadis bersongket Terengganu dengan bunga manggar pastinya meleset.

Sebaliknya, pelancong atau orang luar sudah pasti berkerut dahinya apabila melihat poster Tahun Melawat Terengganu 1997 (TMT 97) yang digantung di pintu keluar utama, hanya sekadar digantung dengan tali tanpa hiasan. Saling tak ubah seperti melepaskan batuk di tangga.

Dari segi lahiriah, TMT 97, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di Kuala Terengganu pada 1 Januari lalu, kurang mempunyai kekuatan untuk menarik pelancong datang ke Terengganu secara total.

Tidak ada sesuatu yang luar biasa dapat dilihat di seluruh negeri ini yang boleh dijadikan daya penarik untuk bahan tulisan atau percakapan kepada sahabat kita di dalam dan luar negara.

Contohnya, adat orang kita apabila menyambut tetamu yang datang ke rumah sekurang-kurangnya langsir baru kalau tidakpun langsir lama yang sudah dibasuh serta tikar pengalas duduk pasti yang baru, hidangan pasti yang enak dengan masakan tradisi, kalau ada pinggan-mangkuk dan cawan yang tersimpan dalam almari akan dikeluarkan.

Apa yang pasti, TMT 97 menyambut tetamu yang datang dengan tandas awam yang busuk, teksi buruk dengan harga tambang yang tidak menentu, perkhidmatan bas yang bercelaru, beca yang lesu dan tidak ceria.

Ini belum lagi hidangan yang ada di Pasar Besar Kedai Payang dengan barangan Siam bersepah, harga songket, batik serta sutera yang tidak selaras dan kadang-kadang lebih mahal daripada harga di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Kain rentang menyambut tetamu TMT 97 di Lapangan Terbang Sultan Mahmud diikat dengan tali seolah-olah kain rentang di pagar kaki lima untuk mengiklankan tawaran murah di pasar raya yang pastinya tidak menggambarkan imej sebenar lapangan terbang sebagai pintu masuk.

Adakah ini sebenarnya imej TMT 97? Di lapangan terbang sebagai pintu masuk semestinya mempunyai satu kelainan untuk menyambut tetamu dengan lampu, pelbagai maklumat, perhiasan yang indah serta luar biasa manakala sistem yang biasanya kelam-kabut menjadi lebih tersusun dan rapi.

Akhir bulan lalu, apa yang tetamu dapat lihat apabila turun pesawat ialah mereka terpaksa berhadapan dengan banjir yang membunuh segala promosi kononnya Terengganu adalah terbaik untuk melancong.

Jadi, apa maknanya TMT 97 yang dirasmikan begitu hebat dengan pancaran bunga api, laser serta penyanyi popular dan bunyi-bunyian tradisional. Ia tidak lebih daripada satu pertunjukan biasa kerana selepas itu tidak ada apa yang boleh dikaitkan dengan majlis itu.

Di hotel juga nampak seperti biasa dari segi promosinya, tidak ada kelainan. Pengalaman yang dilalui kalau ada majlis kecil pun hotel akan mengadakan promosi yang cukup memberangsangkan, apatah lagi program besar seperti TMT 97.

Seorang pelajar anak negeri ini yang baru pulang dari Amerika Syarikat selepas berada lebih lima tahun di negara berkenaan kerana menuntut ilmu begitu gembira selepas mendapat maklumat Terengganu mengadakan acara Tahun Melawat Terengganu.

Pada anggapan pelajar itu, dia akan dapat melihat suasana yang ceria di segenap ceruk dan sudut negeri ini sebagai menyambut tetamu, apatah lagi program yang sudah pasti bermula dari awal tahun sehingga akhir Disember.

Apabila pelajar itu turun dari pesawat di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, dia tidak melihat apa yang diberitahu yang kononnya Terengganu sedang menganjurkan TMT 97.

Suasana di lapangan terbang sama seperti lima tahun lalu. Teksi juga seperti dua tahun lalu ketika pulang bercuti dan papan tanda menyambut tetamu masih ala kadar. Secara ringkasnya, tiada perubahan ketara.

Setakat ini, banyak perancangan diatur sehingga akhir tahun. Namun apakah matlamat TMT 97 tercapai untuk mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan yang membanggakan di Malaysia?

Berdasarkan keadaan semasa yang lesu, nampaknya sukar untuk memenuhi hasrat dan cita-cita Menteri Besar Terengganu untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai sumber ekonomi rakyat Terengganu.

(END)